



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (10 MAC 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

##### **A. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Hospital Dan Masih Di Bawah Pengawasan Perubatan (Kes Aktif)**

Hari ini terdapat **137** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj iaitu dari Hospital Bintulu (40), Hospital Sibu (28), Hospital Umum Sarawak (23), Hospital Miri (17), Hospital Kapit (16), PKRC Betong (7), dan Hospital Sarikei (6). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih atau dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **9,124** orang atau **77.92%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes aktif yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di PKRC dan wad hospital mengikut hospital rujukan adalah seramai **2,457** orang dimana:

- 949 kes di Hospital Sibu dan PKRC di Sibu;
- 367 kes di Hospital Miri dan PKRC di Miri;
- 310 kes di Hospital Umum Sarawak dan PKRC di Kuching;
- 297 kes di Hospital Bintulu dan PKRC di Bintulu;
- 187 kes di Hospital Betong dan PKRC di Betong;

- 181 kes di Hospital Kapit dan PKRC di Kapit;
- 130 kes di Hospital Sarikei dan PKRC di Sarikei;
- 19 kes di Hospital Sri Aman dan PKRC di Sri Aman;
- 10 kes di PKRC Mukah dan
- 7 kes di PKRC Serian.

Hari ini, **199 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** menunggu keputusan ujian makmal.

## **B. Kes Baharu COVID-19**

Hari ini terdapat **199 kes baharu COVID-19** dikesan di Sarawak. Daerah-daerah yang melaporkan kes adalah Daerah Sibu (41), Kapit (33), Kuching (33), Miri (22), Song (19), Bintulu (8), Tatau (8), Serian (6), Bau (6), Betong (6), Samarahan (4), Bukit Mabong (3), Mukah (2), Pusa (2), Dalat (1), Saratok (1), Sarikei (1), Sri Aman (1), Subis (1) dan Selangau (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan **meningkat kepada 11,710 kes.**

Daripada 199 kes baharu yang dilaporkan, seramai 30 orang atau 15.07 peratus adalah terdiri daripada individu yang telah menunjukkan tanda-tanda dan mengalami tanda-tanda jangkitan COVID-19 semasa saringan dijalankan. Secara ringkas kes-kes ini terdiri daripada:

- I.** **60 kes** merupakan saringan individu dalam kluster aktif sedia ada (12 orang bergejala).
- II.** **95 kes** merupakan saringan individu yang mempunyai kontak kepada kes positif COVID-19 (1 orang bergejala).
- III.** **16 kes** merupakan saringan individu bergejala di fasiliti kesihatan.
- IV.** **24 kes** merupakan lain-lain saringan di fasiliti kesihatan (1 orang bergejala).
- V.** **4 kes** melibatkan individu yang balik dari negeri-negeri lain di dalam Malaysia yang dikategorikan sebagai kes Import B.

### **Pecahan Kes Baharu Mengikut Daerah (199 Kes).**

#### **I. Daerah Sibu (41 Kes)**

- a) **23 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **15 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Sibu. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **3 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Sibu. Kes ada menunjukkan gejala.

## II. Daerah Kuching (33 Kes)

- a) **21 kes** yang melibatkan kluster Emperoh Jambu. Hanya 11 kes mengalami tanda dan gejala.
- b) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **4 kes** saringan individu balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 melibatkan warga tempatan (Sarawak). Semua kes dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan dari Selangor. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- d) **1 kes** yang melibatkan kluster Jalan Green. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- e) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Kuching. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- f) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Kuching. Kes ada menunjukkan gejala.

### **III. Daerah Kapit (33 Kes)**

- a) **24 kes** yang melibatkan kluster Gelong. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **5 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- c) **2 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Kapit. Kes ada menunjukkan gejala.
- d) **2 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Kapit. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

### **IV. Daerah Miri (22 Kes)**

- a) **12 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **6 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Miri. Kes ada menunjukkan gejala.
- c) **3 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Miri. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- d) **1 kes** saringan petugas kesihatan di fasiliti kesihatan di daerah Miri. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## V. Daerah Song (19 Kes)

- a) **19 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## VI. Daerah Bintulu (8 Kes)

- a) **7 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Hanya satu (1) kes mengalami tanda dan gejala.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Bintulu. Kes dikategorikan sebagai kes import C iaitu mendapat jangkitan dari Miri. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## VII. Daerah Tatau (8 Kes)

- a) **8 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## VIII. Daerah Betong (6 Kes)

- a) **6 kes** yang melibatkan kluster Jalan Muhibbah. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **IX. Daerah Serian (6 Kes)**

- a) **4 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **2 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Serian. Kes ada menunjukkan gejala.

## **X. Daerah Bau (6 Kes)**

- a) **6 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Lima (5) kes dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan satu (1) kes dikategorikan sebagai Import C iaitu mendapat jangkitan dari Kuching. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XI. Daerah Samarahan (4 Kes)**

- a) **3 kes** yang melibatkan kluster Emperoh Jambu. Kes dikategorikan sebagai Import C iaitu mendapat jangkitan dari Kuching. Hanya satu (1) kes mengalami tanda dan gejala.
- b) **1 kes** lain-lain saringan COVID-19 yang hadir ke pusat kesihatan di daerah Samarahan. Kes mengalami tanda dan gejala.

## **XII. Daerah Bukit Mabong (3 Kes)**

- a) **2 kes** yang melibatkan kluster Gelong. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.
- b) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Bukit Mabong. Kes ada menunjukkan gejala.

## **XIII. Daerah Mukah (2 Kes)**

- a) **2 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XIV. Daerah Pusa (2 Kes)**

- a) **2 kes** yang melibatkan kluster Melor. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XV. Daerah Subis (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XVI. Daerah Sarikei (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XVII. Daerah Selangau (1 Kes)**

- a) **1 kes** yang melibatkan kluster Buloh. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XVIII. Daerah Dalat (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XIX. Daerah Sri Aman (1 Kes)**

- a) **1 kes** merupakan individu yang disaring melalui pengesanan kes secara aktif kontak kepada kes positif COVID-19. Kes tidak menunjukkan sebarang gejala.

## **XX. Daerah Saratok (1 Kes)**

- a) **1 kes** saringan COVID-19 melibatkan individu bergejala di pusat kesihatan di daerah Saratok. Kes ada menunjukkan gejala.

## **C. Kluster Baharu COVID-19 (Satu (1) Kluster)**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan satu (1) kluster baharu COVID-19. Perincian kluster tersebut adalah seperti berikut:

### **I. Kluster Melor, Pusa.**

**Kluster Melor** merupakan kluster komuniti yang telah dikesan di Lorong Melor di Kampung Beladin yang terletak di dalam Daerah Pusa, Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini adalah seorang wanita warga tempatan (Sarawak), berumur 23 tahun yang telah dikesan melalui saringan individu bergejala pada 24 Februari 2021. Hasil pengesanan dan saringan ke atas semua kontak rapat kepada kes indeks ini, tambahan 13 kes positif COVID-19 telah dikesan. Perebakan jangkitan telah berlaku dipercayai melalui pergaulan rapat dan aktiviti solat berjemaah di dalam surau di kampung tersebut.

Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 335 individu telah disaring di mana;

- 14 kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk indeks kes.
- 301 individu negatif, dan
- 20 individu masih menunggu keputusan.

## D. **Kluster Yang Masih Aktif.**

Jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak 27 kluster. Enam (6) kluster yang mempunyai penambahan kes, manakala 21 kluster tiada penambahan kes.

- I. **Kluster Melor, Pusa** : baru diisythiar hari ini.
- II. **Kluster Buloh, Selangau** : terdapat penambahan 1 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 35 kes. Sejumlah 75 individu telah disaring dimana, 40 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- III. **Kluster Jalan Muhibbah, Betong** : terdapat penambahan 6 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 268 kes. Sejumlah 2,621 individu telah disaring dimana, 2,288 negatif dan 65 masih menunggu keputusan makmal.
- IV. **Kluster Emperoh Jambu, Kuching** : terdapat penambahan 25 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 262 kes. Sejumlah 1,400 individu telah disaring dimana, 866 negatif dan 272 masih menunggu keputusan makmal.
- V. **Kluster Jalan Green, Kuching** : terdapat penambahan 2 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 30 kes. Sejumlah 302 individu telah disaring dimana, 272 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.
- VI. **Kluster Gelong, Kapit** : terdapat penambahan 26 kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 236 kes. Sejumlah 283 individu telah disaring dimana, 47 negatif dan tiada menunggu keputusan makmal.

- VII. **Kluster Jalan Awang, Sibu** : tiada penambahan kes.
- VIII. **Kluster Bukit Tunggal, Julau** : tiada penambahan kes.
- IX. **Kluster Jalan Ho Pin, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- X. **Kluster Sungai Bakong, Meradong** : tiada penambahan kes.
- XI. **Kluster Kampung Sungai Maong, Kuching** : tiada penambahan kes.
- XII. **Kluster Kejatau, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XIII. **Kluster Jan Yong, Kapit** : tiada penambahan kes.
- XIV. **Kluster Geronggang, Sibu** : tiada penambahan kes.
- XV. **Kluster Mas Merah, Sibu** : tiada penambahan kes.
- XVI. **Kluster Univista, Samarahan** : tiada penambahan kes.
- XVII. **Kluster Kidurong Dua, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XVIII. **Kluster Nanga Lijan, Julau** : tiada penambahan kes.
- XIX. **Kluster Seruas, Beluru** : tiada penambahan kes.
- XX. **Kluster Sebangkoi, Sri Aman** : tiada penambahan kes.
- XXI. **Kluster Jun Heng, Bintulu** : tiada penambahan kes.
- XXII. **Kluster Bintang Daily, Meradong** : tiada penambahan kes.
- XXIII. **Kluster Jalan Pengiran, Matu** : tiada penambahan kes.
- XXIV. **Kluster Tabong, Bau** : tiada penambahan kes.
- XXV. **Kluster Rakut, Miri** : tiada penambahan kes.
- XXVI. **Kluster Pasai, Sibu** : tiada penambahan kes.
- a) **Sub-Kluster Tangap (Subis)** : tiada penambahan kes

### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Samarahan dan Daerah Song telah bertukar status daripada status Kuning kepada status Jingga** setelah masing-masing merekodkan 21 dan 23 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

**Daerah Bau dan Serian pula telah bertukar status daripada status Jingga kepada status Merah** setelah masing-masing merekodkan sejumlah 41 dan 42 kes jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Subis, Julau, Selangau, Betong, Meradong, Kuching, Kapit, Bintulu, Miri dan Sibu kekal berstatus Merah dengan sejumlah **2,604** kes jangkitan tempatan dilaporkan di 10 buah daerah ini dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Kanowit, Sarikei, Dalat dan Sri Aman kekal berstatus Jingga dengan jumlah keseluruhan **100** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Belaga, Lundu, Bukit Mabong, Tatau, Marudi, Mukah, Pusa, Asajaya, Beluru, Saratok dan Sebauh kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **96** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Manakala 11 daerah lain kekal berstatus Hijau.

**F. Laporan Harian Aktiviti Pemberian Vaksin COVID-19 Di Sarawak.**

Sehingga 09 Mac 2021, jumlah keseluruhan yang telah diberikan suntikan vaksin adalah **sebanyak 26,142** sejak program immunisasi bermula pada 26 Februari 2021.

**2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **10 kompaun** di daerah Kuching (6) dan Padawan (4) kerana telah melanggar SOP.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives  
Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT  
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK  
10 MAC 2021  
5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Cumm. Positive Cases	11,511	ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	2,457	20.98%
New Cases	199	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	13	0.11%
Total Samples by Individu	498,372	Intubated Cases	19	0.16%
Cumm. Positve Cases	11,710	Total COVID-19 Death Cases	89	0.76%
IR per 100,000 population	379.59	Total Non-COVID-19 Death Cases	34	0.29%
Lab. Results (PUI)	New	Recovered and discharged cases	9,124	77.92%
Negative	0	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
PUI Pending Result	0		199	24,318

Current Status	SGH Kuching	Hospital & PKRC Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Limbang	Hospital Sarikei	Hospital & PKRC Kapit	PKRC Betong	PKRC Mukah	PKRC Serian	PKRC Lawas	Hospital Sri Aman	PKRC Sipitang, Sabah	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
ACTIVE CASES (Total Cases still in ward and under medical supervision)	310	949	297	367	0	130	181	187	10	7	0	19	0	0	2,457
Kes di Intensive Care Unit (ICU)	1	11	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	13
Intubated cases	1	18	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	19
Total COVID-19 Death Cases	20	53	8	6	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	89
Total Non-COVID-19 Death Cases	2	14	4	9	0	0	5	0	0	0	0	0	0	0	34
Recovered and discharged cases	New	23	28	40	17	0	6	16	7	0	0	0	0	0	137
	Cummulative	1,822	4,187	741	1170	7	335	750	79	0	0	1	28	1	3 9,124
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	22
TOTAL NOT ADMITTED	3	4	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	8
TOTAL ADMISSION (Individu)	2,153	5,203	1045	1,554	7	466	939	266	10	7	1	47	1	3	11,702

DAERAH MERAH (12)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	6	248	6	108	1	65	0	0	0	0	43	56	42
2	Bau	6	321	6	104	0	67	0	0	0	0	37	42	41
3	Subis	1	206	1	232	8	184	0	0	0	0	48	46	42
4	Julau	0	150	0	152	0	110	0	0	0	1	41	45	44
5	Selangau	1	78	1	98	0	77	0	0	0	1	20	56	56
6	Betong	6	512	6	343	5	156	0	0	0	1	186	257	257
7	Meradong	0	280	0	252	2	184	0	2	0	0	66	92	89
8	Kuching	33	10,496	33	1422	23	1210	0	2	0	12	198	265	230
9	Kapit	33	723	33	623	9	466	2	4	0	1	152	249	249
10	Bintulu	8	1,283	8	866	29	612	0	1	0	5	248	353	345
11	Miri	22	2,003	22	1,071	9	741	0	7	0	7	316	316	312
12	Sibu	41	4,536	41	4,417	27	3456	0	10	0	48	899	1,024	980
Jumlah		157	20,836	157	9,688	113	7,328	2	26	0	76	2,254	2,801	2,687

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH JINGGA (6)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
1	Samarahan	4	869	4	272	0	248	0	0	0	5	19	30	21
2	Song	19	209	19	272	1	247	0	1	0	2	22	23	23
3	Kanowit	0	321	0	387	0	366	0	1	0	2	18	21	21
4	Sarikei	1	163	1	77	4	50	0	0	0	0	27	35	34
5	Dalat	1	362	1	236	11	226	0	1	0	1	8	21	21
6	Sri Aman	1	166	1	111	0	87	0	0	0	1	23	26	24
Jumlah		26	2,090	26	1,355	16	1,224	0	3	0	11	117	156	144

DAERAH KUNING (11)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Belaga	0	17	0	9	0	7	0	1	0	0	1	1	1
2	Lundu	0	335	0	69	0	67	0	0	0	0	2	2	2
3	Bukit Mabong	3	37	3	53	6	47	0	0	0	0	6	12	12
4	Tatau	8	24	8	17	0	6	0	0	0	0	11	12	10
5	Marudi	0	15	0	2	0	1	0	0	0	0	1	1	1
6	Mukah	2	102	2	20	0	2	0	0	0	0	18	18	18
7	Pusa	2	24	2	16	2	7	0	0	0	0	9	14	14
8	Asajaya	0	59	0	20	0	8	0	0	0	0	10	11	10
9	Beluru	0	204	0	227	0	221	0	1	0	0	5	5	5
10	Saratok	1	56	1	18	0	15	0	0	0	0	3	7	7
11	Sebauh	0	69	0	79	0	63	0	0	0	0	16	17	16
Jumlah		16	942	16	530	8	444	0	2	0	0	82	100	96

DAERAH HIJAU (11)														
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian Bukan COVID-19		Kematian COVID-19		Jumlah kes yang masih dalam rawatan dan pengawasan perubatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Pakan	0	12	0	13	0	12	0	0	0	0	1	0	0
2	Matu	0	120	0	36	0	35	0	1	0	0	0	0	0
3	Lawas	0	40	0	21	0	21	0	0	0	0	0	0	0
4	Daro	0	67	0	6	0	2	0	1	0	0	3	3	0
5	Simunjan	0	76	0	15	0	14	0	0	0	1	0	0	0
6	Lubok Antu	0	47	0	18	0	18	0	0	0	0	0	0	0
7	Telang Usan	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
8	Limbang	0	52	0	17	0	15	0	1	0	1	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	9	0	8	0	8	0	0	0	0	0	0	0
11	Kabong	0	4	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		0	450	0	137	0	128	0	3	0	2	4	3	0

Jumlah Besar	199	24,318	199	11,710	137	9,124	2	34	0	89	2,457	3,060	2,927
--------------	-----	--------	-----	--------	-----	-------	---	----	---	----	-------	-------	-------

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **192 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **92 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **6,122 orang**. Manakala seramai **72,833 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 10.03.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,093)</b>	Hock Lee	107
2		Grand Dormani	35
3		Kuching Park	104
4		Pullman	217
5		Hilton	234
6		Harbour View	207
7		Riverside (Astana Wing)	103
8		Grand Margherita	263
9		Imperial Boulevard	207
10		Tune Hotel	66
11		Dormani Hotel	35
12		Grand Continental	150
13		Meritin	27
14		Longhouse	64
15		Abell	53
16		Lot 10	36
17		Telang Usan	51
18		Imperial Riverbank	77
19		Kingwood	57
20	<b>Miri (1,009)</b>	Mega Hotel	97
21		Somerset	17
22		Imperial Palace	192
23		Imperial New Wing	124
24		Paragon	37
25		Meritz	117
26		Miri	16

27		Dynasty	162
28		Kenyalang Suite	14
29		Citi Hotel	50
30		Nova	37
31		Emart Hotel	146
32	<b>Bintulu (2,002)</b>	Utama Inn	35
33		Fairfield by Marriot	155
34		Kidurong Inn	35
35		Motel Kapok	80
36		Faber Inn	15
37		AA Inn	20
38		Ambassador	76
39		Kemenia Inn	21
40		Green	81
41		Kemenia Plaza	131
42		40tory Inn	29
43		Lengkap Inn	40
44		Studio Inn	76
45		Sunstar Inn	26
46		Parkcity Garden	38
47		Mega Inn	38
48		Kriss Lodge	41
49		Centre Inn	24
50		Welcome Inn	17
51		Parkcity Garden 2	118
52		Lucky 5 Inn	42
53		900 Inn	22
54		New World Suite	72
55		Golden Bay	17
56		Kemenia Resort	229
57		Inn 86	39
58		Sunlight Inn	16
59		Hover Hotel	39
60		Royal Hotel	41
61		Ocean Inn	29

62		Best Lodge	22
63		H5 Inn	53
64		DK Value Inn	33
65		Li Hua	93
66		Grand Faber Inn	15
67		JC Mark Hotel	14
68		186 Inn	22
69		Riverfront	52
70		682 Inn	30
71		Sir Inn	26
72	<b>Limbang (219)</b>	Purnama	40
73		Mandarin (Lawas)	30
74		Shangsan (Lawas)	41
75		Seri Malaysia (Lawas)	108
76	<b>Sibu (291)</b>	Premier	225
77		Kawan	43
78		Sarawak	23
79	<b>Samarahan (116)</b>	INFRA	55
80		Kolej Rafflesia, UNIMAS	59
81		UiTM	2
82	<b>Sarikei (122)</b>	Garden Hotel	58
83		Dragon	64
84	<b>Betong (85)</b>	Mega Inn	8
85		Medan Inn	10
86		Victoria Inn	21
87		Asia Inn	14
88		Homestay Betong	19
89		Victoria Inn 2	13
90	<b>Serian (43)</b>	Transit Inn	43
91	<b>Mukah (116)</b>	Kingwood	116
92	<b>Sri Aman (26)</b>	Good View	26
<b>Jumlah PUS</b>			<b>6,122</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **22 lokasi di Miri (6), Serian (5), Kuching (3), Sibu (3), Sarikei (2), Sri Aman (1), Mukah (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **3,112 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 10.03.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>875</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>6</b>	<b>629</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>3</b>	<b>342</b>
<b>4</b>	<b>Sarikei</b>	<b>2</b>	<b>256</b>
5	Samarahan	TIADA	183
6	Kapit	TIADA	175
7	Bintulu	TIADA	165
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>5</b>	<b>126</b>
<b>9</b>	<b>Limbang</b>	<b>1</b>	<b>105</b>
<b>10</b>	<b>Mukah</b>	<b>1</b>	<b>99</b>
11	Betong	TIADA	85
<b>12</b>	<b>Sri Aman</b>	<b>1</b>	<b>72</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>3,112</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **60 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 10.03.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MP Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Bau	4
5	MD Betong	6
6	SMC	10
7	BDA	2
8	MD Maradong& Julau	4
9	MCC	15
10	MD Marudi	5
11	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>60</b>

## 5. LOKASI DAN MASA KES POSITIF DILAPORKAN

(Data sehingga 10.03.2021 @ 3.00 petang)

### DAERAH KUCHING

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Uncle Hainam, Jalan Datuk Abang Abdul Rahim	Eatery	02.03.2021	11.45 am - 12.30 pm
Big Mouth Food Centre, Jalan Batu Kawa	Eatery	02.03.2021	7.33 pm - 8.00 pm
Mori Kitchen, Jalan Pending	Eatery	03.03.2021	11.45 am - 12.30 pm
Rajah Café, Jalan Pending	Eatery	04.03.2021	11.45 am - 12.30 pm
Prestige Essence Steamboat, Jalan Tun Jugah	Eatery	05.03.2021	2.14 pm - 3.00 pm
The Spring (Shine Pharmacy, Hla Garment, Uniqlo)	Social activity-Customer	07.03.2021	6.00 pm - 7.00 pm
Rainbow Supermarket, Siburan	Social activity-Customer	06.03.2021	10.00 am - 11.00 am

### DAERAH SIBU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Sri Segar Cold Storage	Social activity-Customer	26.02.2021	11.31 am - 11.50 am
Everwin Eco Mart Sdn Bhd	Social activity-Customer	26.02.2021	11.08 am - 11.30 am
Farley Food Court	Eatery	01.03.2021	6.47 pm - 7.15 pm
Aloha Corner Sdn Bhd	Eatery	01.03.2021	7.35 am - 8.15 am
Watson's Personal Care Jln Tuanku Osman	Social activity-Customer	01.03.2021	6.03 pm - 6.25 pm
Kim Hock Food Courts	Eatery	02.03.2021	10.13 am - 11.00 am
5th Avenue Kopitiam	Eatery	03.03.2021	10.38 am - 11.15 am
Centuryin Sdn Bhd	Eatery	03.03.2021	5.56 pm - 6.40 pm
Huong Ping Hair Saloon	Social activity-Customer	05.03.2021	9.46 am - 11.15 am

Astro-Customer Service Center Sibu	Social activity-Customer	05.03.2021	12.06 pm - 12.25 pm
Wan Li Café	Eatery	06.03.2021	8.43 am - 9.20 am

## DAERAH KAPIT

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Wang Zen Café	Social activity-Customer	27.02.2021	10.00 am - 10.30 am
Kimi Soon Café	Social activity-Customer	27.02.2021	11.00 am - 1.00 pm

## DAERAH BINTULU

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Emart Bintulu	Social activity-Customer	22.12.2021	12.30 pm - 1.00 pm
Jireh Corner	Eatery	28.02.2021	8.05 am - 8.30 am
Eng Fook Cafe	Eatery	03.03.2021	8.02 am - 8.40 am
Eco-shop Bintulu	Social activity-Customer	03.03.2021	1.37 pm - 1.47 pm
Sinyin Foodcourt	Eatery	04.03.2021	12.02 pm - 12.30 pm
Kedai Runcit Wanidah	Social activity-Customer	04.03.2021	3.44 pm - 4.00 pm
Wiwo Foodcourt	Eatery	07.03.2021	11.50 am - 12.30 pm

## DAERAH MIRI

Name of Exposed Location	Category	Date of Exposure	Time Period Affected
Yang Ping Food Centre, Jalan Sungai Saeh Niah	Eatery	01.03.2021	9.10 am - 9.30 am
AJ Corner, Jalan Merpati	Eatery	02.03.2021	1.10 pm - 2.00 pm
Embun Citra Cake House Dan Seafood Restaurant, Jalan Permaisuri	Eatery	02.03.2021	9.30 pm - 10.00 pm
Yummy Cold Drink House, Jalan Ilmu, Senadin	Eatery	02.03.2021	3.15 pm - 3.30 pm

<b>818 Café Lutong, Lorong Fiona 2</b>	Eatery	04.03.2021	8.00 am - 8.30 am
<b>Wsl Xiang-Xiang Food Court, Jalan Palma Edar</b>	Eatery	04.03.2021	7.30 am - 8.00 am
<b>9369 Café,Lorong 3A, Jalan Dato Permaisuri 3D</b>	Eatery	08.03.2021	9.00 am - 9.30 am